



Headline: Scam: peranan media baharu
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 28 August 2019

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 39

ANALISIS

Oleh **AZRUL HAKIMIE ANUER**

Scam: Peranan media baharu

BOLEH dikatakan saban hari berita berkenaan *scam* atau penipuan disiarkan pihak media sehinggakan hampir jelak membaca mengenainya.

Namun begitu, apa yang peliknya adalah bilangan mereka yang ternoda dengan pujuk rayu si pelaku *scam* semakin hari semakin menjadi-jadi dengan jumlah kerugian melibatkan angka jutaan ringgit.

Pasukan Respons Keceemasan Komputer Malaysia (MyCERT) melaporkan, kes penipuan dalam talian pada tahun 2010 adalah 2,212 dan meningkat kepada 5,123 kes pada tahun 2018.

MyCERT juga melaporkan, jumlah penipuan dalam talian meningkat lebih daripada 70 peratus bermula dari bulan Januari sehingga Mei tahun ini. Persoalannya kini mengapa gejala *scam* masih gagal ditangani selepas pelbagai usaha direncana pihak berkuasa termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Seperti diketahui Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan pihak berkuasa yang paling sibuk dalam

mengekang masalah berkenaan dengan kejayaan pembanterasannya sehingga memaksa *scammer* menukar modus operandi bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

Begitu juga dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) yang bertungkus-lumus menyekat laman-laman web yang didapati menyebarkan tawaran-tawaran mencurigakan.

Mungkin sudah tiba masanya kempen berkenaan diperluaskan bukan sahaja dalam media massa atau media cetak bahkan media baharu bagi meningkatkan kesedaran orang ramai yang masih lagi rendah.

Ini selaras dengan laporan yang menyatakan Malaysia merupakan negara ke-9 paling aktif menggunakan media sosial dengan jumlah pengguna mencecah 25.08 juta orang.

Apabila hari-hari ditarbiahkan tentang *scam* termasuk tentang gaya beroperasi, bahaya didepani dan golongan sasaran, diharapkan masalah berkenaan dapat dihapuskan atau sekurang-kurangnya kesannya diminimumkan.